



INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN EDUCATION (IJMOE)

www.ijmoe.com



KEPERLUAN KEMAHIRAN INSANIAH ABAD KE-21 TERHADAP KESEDIAAN KERJAYA PELAJAR

NEEDS OF 21ST CENTURY ARTISTIC SKILLS FOR STUDENTS' CAREER READINESS

Siti Aisyah Mohd Nong^{1*}, Siti Zuraidah Md Osman²

¹ Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia
Email: aisyah1808@student.usm.my

² Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia
Email: sitizuraidah@usm.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.12.2023

Revised date: 15.01.2024

Accepted date: 19.02.2024

Published date: 12.03.2024

To cite this document:

Nong, S. A. M., & Osman, S. Z. M. (2024). Keperluan Kemahiran Insaniah Abad Ke-21 Terhadap Kesiediaan Kerjaya Pelajar. *International Journal of Modern Education*, 6 (20), 271-282.

DOI: 10.35631/IJMOE.620021

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Matlamat utama Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (*Technical Vocational Education and Training*, TVET) adalah melahirkan modal insan yang cekap dan berkemahiran serta dapat memenuhi kehendak pasaran semasa. Melihat kepada situasi pekerjaan pada masa kini yang terarah kepada pendigitalan dan penguasaan teknologi, institusi TVET berdepan dengan cabaran dalam memastikan pelajar memiliki kesiediaan terhadap cabaran kerja di masa hadapan. Hal ini kerana pihak industri memerlukan individu yang memiliki kesiediaan terhadap kerjaya dalam memastikan skop kerja dapat dilaksanakan dengan baik sekali gus dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara. Antara faktor yang menyumbang kepada kurang kesiediaan kerjaya dalam kalangan pelajar adalah penguasaan kemahiran insaniah masih di tahap yang sederhana. Aspek kemahiran insaniah yang dimiliki oleh seseorang individu merupakan antara kriteria yang dilihat oleh majikan dalam memastikan mereka mempunyai kesiediaan terhadap kerjaya. Penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar perlu seiring dengan keperluan dalam konteks kerjaya pada abad ke-21 selain dapat memastikan pelajar memiliki kesiediaan terhadap kerjaya yang selari dengan bidang pengajian mereka. Justeru, kertas konsep ini membincangkan berkaitan kesiediaan kerjaya pelajar dari aspek kemahiran insaniah yang diperlukan pada abad ke-21 supaya dapat memenuhi kehendak semasa majikan sekali gus melahirkan modal insan yang reaktif terhadap keperluan pekerjaan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan yang melibatkan responden dalam kalangan pelajar di Kolej Vokasional. Antara elemen kemahiran insaniah pada abad ke-21 yang diperlukan majikan adalah kemahiran fleksibiliti dan kebolehsuaian, kemahiran inisiatif dan sendiri,

kemahiran sosial dan silang budaya, kemahiran produktiviti dan akauntabiliti serta kemahiran kepimpinan dan pertanggungjawaban.

Kata Kunci:

Kesediaan Kerjaya Pelajar, Kemahiran Insaniah, Abad ke-21, Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional, TVET

Abstract:

The primary objective of Technical Vocational Education and Training (TVET) is to generate human capital that is capable of meeting the demands of the market today. TVET institution have a difficult time making sure that students are ready for the difficulties if the modern workforce, which is focused on digitalization and technological proficiency. This is due to the fact that industries need career-ready people to guarantee that work scopes can be implemented successfully, supporting the nation's economic expansion. The moderate degree of soft skill mastery among students is one of the things that makes them unprepared for the workforce. One of the factors that companies take into account to make sure a candidate is prepared for a profession is whether or not they exhibit soft skills. In addition to making sure that students are prepared for occupations related to their fields of study, the mastery of soft skills by students must also meet the demands of 21st century careers. In order to generate human capital that is responsive to employment requirements, this concept paper addresses students' preparedness for jobs from the standpoint of the 21st century soft skills needed to meet employer demands. This study uses a quantitative methodology and a survey design that includes students in Vocational Colleges as repondents. Employers in 21st century are looking for people with a variety of soft skills including flexibility and adaptability skills, initiative and self-direction skills, social and cross-cultural skills, productivity and accountability skills as well as leadership and responsibility skills.

Keywords:

Student Career Readiness, Soft Skill, 21st Century, Techical Vocational Education and Training, TVET

Pendahuluan

Technical Vocational Education and Training (TVET) merupakan sebahagian dari sistem pendidikan yang dinamik dan mempunyai kepentingan khusus di seluruh dunia. Sistem TVET menawarkan kemahiran yang berguna kepada individu yang menceburi bidang ini selain dari memenuhi keperluan pelbagai industri (Anderson, 2009; Bhattarai, 2020). Walaupun terdapat perbezaan istilah yang diguna pakai bagi sesetengah negara, namun matlamat TVET untuk menyediakan pendidikan bagi tujuan pasaran kerja adalah sama bagi kebanyakan negara. Program TVET mendapat sambutan yang menggalakkan di negara seperti Jerman, Korea Selatan, Australia bahkan Malaysia turut tidak terkecuali dalam merapatkan jurang kemahiran antara pendidikan dan tenaga kerja. Sistem TVET diakui keberkesanannya dalam memainkan peranan penting untuk menyediakan individu dengan kemahiran yang diperlukan untuk terus berjaya dalam pasaran kerja. Justeru itu, peranan TVET dalam dunia pendidikan tidak boleh dipandang remeh kerana ianya telah terbukti mempunyai kepentingan dalam menyediakan individu dengan maklumat dan kemahiran yang diperlukan untuk pelbagai kerjaya.

Perubahan dalam dunia pekerjaan masa kini memerlukan seseorang pelajar untuk memiliki kesediaan sebelum meneroka dan menceburi pasaran kerja (Makki, Feng, Waqar, & Adhikari, 2023). Hal ini dapat membantu mereka dalam mendepani fasa peralihan dari alam persekolahan ke alam pekerjaan sekali gus berupaya untuk menyesuaikan diri dalam kerjaya. Cabaran kerjaya pada abad ke-21 menuntut majikan untuk memilih individu yang mempunyai kesediaan terhadap skop tugas bukan sahaja dari aspek kemahiran teknikal, bahkan kemahiran insaniah (Anusuya & Hashima, 2022). Tidak seperti kemahiran teknikal yang mengkhususkan kepada kepakaran menguruskan sesuatu tugas, kemahiran insaniah merupakan satu set kemahiran yang menyumbang kepada keberkesanan dan kebolehsuaian individu dalam mendepani skop kerja mereka (Succi, 2019). Kemahiran ini boleh dipindah milik merentas pelbagai bidang kerjaya profesional dan amat penting dalam menyediakan pelajar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja.

Kajian ini meneliti tentang keperluan kemahiran insaniah terhadap kesediaan kerjaya dalam konteks pelajar di Kolej Vokasional. Dapatan kajian ini boleh menyumbang pengetahuan baru tentang kepentingan untuk merancang pembangunan modal insan khusus dalam bidang TVET. Maklumat ini berguna kepada para pensyarah dan kaunselor khususnya untuk memahami atribut psikologi pelajar Kolej Vokasional sekali gus membantu pihak kolej dan kementerian dalam merancang dasar pendidikan TVET. Hasil kajian ini juga dapat membantu pensyarah merangka strategi pengajaran dan pendekatan yang berkesan dalam membantu meningkatkan tahap motivasi pelajar untuk meneruskan kerjaya dalam bidang yang sepadan dengan pengajian mereka.

Isu Kesediaan Kerjaya Pelajar

Matlamat utama sistem TVET yang ditawarkan di kebanyakan negara adalah untuk menyediakan pelajar untuk permintaan pasaran selain dari mempromosikan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, kebanyakan negara mula mengatur strategi dan menjalinkan kerjasama yang erat antara pihak kerajaan, sektor industri dan institusi pendidikan dalam memastikan matlamat ini dapat dicapai (Lauglo, 2009; Tun & Juchelková, 2022). Negara Jerman misalnya merupakan sebuah negara contoh yang menekankan hubungan yang baik antara sektor industri dan institusi pendidikan. Salah satu ciri sistem TVET di Jerman adalah menggabungkan pengajaran di bilik darjah dengan latihan di tempat kerja bagi membolehkan pelajar memperoleh kemahiran dan pengetahuan khusus dengan situasi kerja yang sebenar (Haasler, 2020). Melalui pendekatan ini, ia dapat memupuk kerjasama yang erat antara dua pihak dalam memastikan pelajar bersedia untuk meneroka pasaran kerja selepas mereka tamat persekolahan.

Umum mengetahui bahawa sistem TVET berupaya untuk melahirkan pasaran kerja yang berkemahiran. Justeru itu, permintaan terhadap penyediaan model dan program khusus bagi memastikan pelajar bersedia untuk menghadapi cabaran di peringkat kerjaya adalah tinggi (Nasir, 2013; Shafarizan et al., 2019). Kerjasama pihak kerajaan melalui sebelas kementerian telah mengoptimumkan kemenjadian graduan lepasan institusi TVET sekali gus berupaya untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran dan sebagai penggerak utama kepada pembangunan ekonomi negara. Namun, kerangka model yang terbaik untuk menunjukkan hubungan terhadap program-program yang sedang berjalan dalam konteks negara Malaysia masih dibahaskan sehingga kini (Ramlee, 2017; Ruzita et al., 2020). Hasilnya, masih wujudnya jurang bagi memastikan hasrat kerajaan seperti yang terkandung dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) dapat direalisasikan.

Aspek kesediaan kerjaya pelajar perlu diberi perhatian dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan modal insan (Dodd et al., 2022; Nor Syazila et al., 2021). Bermula tahun 2021, tumpuan mula beralih kepada dasar yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang mana kerajaan juga memberi tumpuan terhadap bidang TVET. Salah satu pemacu perubahan yang diperkenalkan melalui dasar RMKe-12 adalah membangunkan bakat tersedia masa hadapan (Kementerian Ekonomi Malaysia, 2021). Menerusi dasar ini, kerajaan merancang untuk mengunjurkan semula pasaran buruh bagi memenuhi kehendak industri melalui penambahbaikan ekosistem TVET. Justeru itu, kesediaan kerjaya pelajar merupakan salah satu aspek penting dalam usaha membantu pelajar meneroka kecekapan diri dan pasaran kerjaya yang bersesuaian dengan minat mereka (Horrillo et al., 2021; Mohd Izwan et al., 2017). Ini sekali gus dapat memastikan kesepadanan kerjaya dengan kemahiran yang dimiliki oleh pelajar dan juga mengurangkan kadar pengangguran melalui pemilihan kerjaya yang telah dikenal pasti sejak dari awal. Kesediaan kerjaya juga merupakan perkara yang penting bagi graduan dalam memastikan mereka mempunyai kesedaran dan maklumat berkaitan kerjaya yang bakal diceburi setelah mereka menamatkan pengajian (Zulhazmi & Muhd Khaizer, 2021).

Seiring dengan perkembangan teknologi dijangka akan merubah lanskap kerjaya masa hadapan sekali gus mewujudkan kerjaya yang belum pernah ada di masa kini (Shi & Bangpan, 2022). Oleh itu, pelajar perlu sentiasa peka dan bersedia untuk mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran, sama ada kemahiran teknikal mahupun kemahiran insaniah dalam memastikan mereka dapat menceburi bidang kerjaya selepas menamatkan pengajian (Enah, Ridzwan, Mohd Adib, & Mohd Azlan, 2018). Kajian yang dijalankan oleh Vina Dwiyananti et al. (2021) menunjukkan bahawa graduan lulusan TVET khususnya bukan sahaja perlu memiliki kemahiran teknikal yang selari dengan keperluan industri, bahkan turut perlu menguasai kemahiran insaniah. Hal ini penting kerana aspek kemahiran insaniah merupakan kemahiran bukan teknikal yang dapat menambah nilai kebolehpasaran graduan (Succi & Canovi, 2020). Dalam memastikan pelajar mempunyai kesediaan kerjaya yang baik, penguasaan terhadap kemahiran insaniah juga perlu dititik beratkan (Gunawan, Creed, & Glendon, 2019). Mohd Adib et al. (2019) menyatakan segelintir majikan mempunyai pandangan bahawa graduan masih kurang menguasai kemahiran insaniah. Ini menyebabkan mereka dilihat sebagai kurang memiliki kesediaan untuk bersaing dalam bidang industri.

Keperluan Kemahiran Insaniah

Peranan untuk memupuk kemahiran insaniah tidak hanya terhad kepada intitusi pendidikan di peringkat pengajian tinggi, namun ia wajar bermula sejak dari zaman persekolahan lagi supaya graduan lebih bersedia dengan bidang kerjaya yang bakal diceburi dan berkemahiran tinggi seperti yang diperlukan oleh pihak industri. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Noor Afzaliza Nazira & Maizatul Haizan (2021) juga menyarankan graduan untuk menguasai kemahiran insaniah dengan baik kerana terdapat banyak persaingan dalam kalangan graduan untuk penempatan mereka dalam bidang pekerjaan. Dalam sektor industri, memiliki pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi merupakan satu kelebihan kerana ia dapat membantu majikan dalam memastikan tidak berlaku pembaziran sumber tenaga manusia dan kecekapan untuk melakukan pekerjaan secara optimum (Mohd Fauzi & Mohd Khairul Naim, 2012). Justeru itu, penerapan kemahiran insaniah ini wajar dimulakan seawal di peringkat menengah bagi memastikan institusi pendidikan dapat melahirkan graduan yang berkualiti serta mempunyai nilai kebolehkkerjaan yang tinggi.

Dapatan kajian yang dijalankan Normah et al. (2020) yang mendapati kemahiran insaniah pelajar Kolej Vokasional berada di tahap sederhana. Sehubungan itu, usaha semua pihak dalam menilai dan menyemak semula elemen kemahiran insaniah yang terkandung dalam kurikulum di Kolej Vokasional adalah perlu dalam memastikan elemen tersebut menepati kehendak pasaran modal insan semasa. Jelas diketahui, perkembangan teknologi semasa turut memberi kesan terhadap keperluan modal insan dalam pasaran kerja. Industri mula beralih kepada kebergantungan terhadap mesin dan robot menyebabkan modal insan manusia semakin mengalami persaingan (Asnul Dahar et al., 2022). Dalam memastikan lepasan Kolej Vokasional dapat bersaing dengan lepasan institusi TVET yang lain, penekanan terhadap kemahiran insaniah perlu dipertingkatkan melalui pembangunan kurikulum yang selari dengan kehendak pasaran. Elemen kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran kerja berpasukan dan lain-lain adalah penting untuk dikuasai bagi memastikan kualiti pelajar aliran TVET yang dihasilkan dapat memenuhi kehendak industri di peringkat kerjaya akan datang.

Bersandarkan kepada kerangka *The Partnership 21st Century Skills*, kemahiran kerjaya dan kehidupan menepati skop kemahiran insaniah yang diperlukan oleh majikan pada masa kini (Ohio Department of Education, 2007). Kehidupan pada abad ini memerlukan seseorang untuk memiliki kemahiran insaniah yang seiring dengan perkembangan pasaran industri moden. Kemahiran kerjaya dan kehidupan melibatkan elemen kemahiran insaniah yang diperlukan industri untuk kejayaan dalam kerjaya dan kehidupan dari perspektif yang lebih luas (Nurhanim Saadah et al., 2020). Elemen kemahiran ini penting dalam membantu pelajar untuk mempersiapkan diri mereka bagi meneroka pasaran kerja sekali gus memenuhi tuntutan keperluan industri. Justeru itu, menjadi keutamaan kepada institusi TVET khususnya Kolej Vokasional untuk memperkukuh penerapan kemahiran ini melalui pendekatan dan strategi yang bersesuaian dalam melahirkan modal insan yang seimbang dan holistik.

Kemahiran Fleksibiliti Dan Kebolehsuaian

Dalam persekitaran kerja yang dinamik hari ini, individu perlu menyesuaikan diri dengan perubahan dan situasi baharu. Kemahiran fleksibiliti dan kebolehsuaian melibatkan sikap terbuka dengan idea baharu, menerima perubahan dan menyesuaikan diri dengan peranan atau bidang kerjaya yang berbeza (Wrahatnolo & Munoto, 2018). Majikan masa kini memerlukan pekerja yang mampu beradaptasi dengan perubahan persekitaran kerja dan berupaya untuk menyesuaikan diri dengan situasi kerja yang tidak menentu. Pekerja yang mengambil inisiatif selalunya akan lebih mudah menyesuaikan diri dengan perubahan (Harishree et al., 2023). Mereka sanggup melangkah keluar dari zon selesa mereka, meneroka idea baharu dan menerima cabaran. Kebolehsuaian merupakan kemahiran yang penting dalam persekitaran kerja yang berkembang pesat. Justeru itu, pelajar di Kolej Vokasional perlu menyiapkan diri mereka dengan kemahiran ini bagi memudahkan fasa peralihan yang berlaku antara kolej dan kerjaya yang akan diceburi.

Kemahiran fleksibiliti dan kebolehsuaian adalah penting untuk kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar di Kolej Vokasional kerana ia membolehkan individu menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran kerja, mengendalikan situasi baharu dan menyesuaikan diri dengan peranan atau bidang kerjaya yang berbeza (Nurhanim Saadah et al., 2020). Membangunkan kemahiran ini melalui penerapan pendidikan di Kolej Vokasional dapat membantu pelajar mengemudi kerjaya mereka dengan berkesan dan menyesuaikan diri dengan perubahan setelah menceburkan diri ke alam pekerjaan. Kajian Sulistiani & Handoyo (2018)

mendapati terdapat hubungan yang positif antara penyesuaian kerjaya dan strategi pengurusan kerjaya yang bertujuan untuk membantu individu menetapkan hala tuju kerjaya mereka dengan berkesan.

Kemahiran Inisiatif Dan Kendiri

Kemahiran ini merangkumi keupayaan untuk mengawal pembelajaran dan kerja sendiri (Wrahatnolo & Munoto, 2018). Ia melibatkan penetapan matlamat, perancangan dan penganjuran tugas secara bebas serta bersikap proaktif dan bijak dalam mencapai objektif seseorang. Pelbagai strategi dan pendekatan yang boleh dilaksanakan dalam memupuk pelajar dengan kemahiran ini dalam membantu meningkatkan kesediaan kerjaya mereka (Harishree et al., 2023). Antaranya menggalakkan pelajar menjadi untuk melaksanakan tugas terarah sendiri yang melampaui penguasaan kemahiran untuk meneroka dan mengembangkan pembelajaran mereka sendiri, menunjukkan inisiatif untuk memajukan tahap kemahiran ke arah tahap profesional dan mencerminkan kritis terhadap pengalaman lalu untuk memaklumkan kemajuan masa hadapan.

Selain itu, pembelajaran terarah sendiri boleh dipupuk dengan mengajar pelajar kemahiran komputer berfungsi, literasi digital, kemahiran penyelidikan perpustakaan, mencari maklumat yang sah dan memperkenalkan mereka kepada pelbagai jenis hasil pembelajaran (Gutt, 2022). Latihan dan pendedahan kepada pelajar untuk menetapkan matlamat, serta sokongan dan bimbingan untuk memotivasi antara satu sama lain dalam pasukan juga dapat melatih pelajar untuk menguasai kemahiran ini. Hal ini akan membantu pelajar untuk bertanggungjawab terhadap tugas mereka, menetapkan matlamat, merancang dan mengatur tugas serta menunjukkan komitmen terhadap tugas mereka. Kajian Harishree et al. (2023) menyatakan bahawa pelajar yang secara kritis mencuba untuk menguasai kemahiran inisiatif dan sendiri mendapat manfaat apabila mereka menceburkan diri dalam dunia pekerjaan dan berupaya untuk lebih berjaya di persekitaran kerja pada abad ke-21 ini.

Kemahiran Sosial Dan Silang Budaya

Dalam dunia yang saling berhubung secara global, individu perlu dapat berinteraksi dengan berkesan dengan orang lain dari pelbagai latar belakang. Kemahiran ini melibatkan pemahaman dan menghormati perbezaan budaya, berkomunikasi merentasi budaya dan bekerja secara kolaboratif dalam pasukan yang pelbagai (Wrahatnolo & Munoto, 2018). Selain itu kemahiran ini dapat memberi manfaat kepada pelajar dalam kerjaya yang akan mereka terokai pada masa akan datang. Antara aspek dalam kemahiran ini adalah komunikasi secara berkesan dengan individu daripada pelbagai latar belakang, memahami dan menghormati perbezaan budaya dan bekerja secara kolaboratif dalam pasukan yang pelbagai dianggap penting dalam persekitaran kerja global (Ohio Department of Education, 2007).

Kerangka *The Partnership 21st Century Skills* menekankan kepentingan kemahiran sosial dan silang budaya sebagai salah satu kemahiran kerjaya dan kehidupan yang penting untuk pelajar mengemudi kehidupan dan persekitaran kerja yang kompleks. Menurut Harishree et al. (2023) kecekapan budaya adalah kebolehan seseorang untuk menghargai, menghormati dan menerima perbezaan dalam perspektif dan tingkah laku bersandarkan kepada persamaan dan perbezaan budaya selain ia adalah mustahak dalam fasa peralihan transisi kerjaya. Pada fasa ini, pelajar akan cuba untuk menyesuaikan diri dengan meneroka persekitaran kerjaya yang sesuai dengan kehendak mereka. Oleh itu, dengan membangunkan kemahiran ini akan dapat meningkatkan

keupayaan pelajar untuk berkembang maju di tempat kerja yang pelbagai budaya serta dapat menyumbang secara positif ke arah usaha profesional mereka.

Kemahiran Produktiviti Dan Akauntabiliti

Kemahiran ini melibatkan pengurusan masa dan sumber secara berkesan untuk mencapai matlamat. Ia juga merangkumi tanggungjawab untuk tindakan seseorang, menyampaikan kerja yang berkualiti tinggi dan bertanggungjawab untuk keputusan (Wrahatnolo & Munoto, 2018). Dalam memastikan pelajar bersedia untuk melangkah ke alam kerjaya, diri mereka perlu diperkukuh dengan kemahiran produktiviti dan akauntabiliti yang melibatkan pengurusan masa dan sumber dengan berkesan, penyampaian kerja berkualiti tinggi dan bertanggungjawab ke atas tindakan seseorang. Kemahiran ini penting kerana ia dapat menyumbang kepada kejayaan seseorang untuk bekerja secara cekap dan berdedikasi terhadap organisasi (Balestreri, Sambolt, Duhon, Smerdon, & Harris, 2014).

Selain itu, kemahiran ini sering kali dikaitkan dengan keterbukaan intelektual dan kerja berpasukan secara kolaboratif yang merupakan salah satu sumbangan yang berharga terhadap organisasi (Harishree et al., 2023). Untuk diterima dalam sesebuah organisasi yang memiliki perbezaan latar dan budaya, seseorang individu seharusnya bersikap terbuka dan mampu untuk bertoleransi dengan individu yang lain. Oleh itu, kemahiran ini perlu diterapkan dalam kalangan pelajar di Kolej Vokasional melalui perancangan pembangunan dan pendidikan modal insan supaya mampu menyediakan mereka ke arah kejayaan dalam kerjaya yang akan diceburi kelak. Pelajar yang menguasai kemahiran ini akan dilihat lebih memiliki kecekapan untuk bekerja dan produktif dalam membantu kejayaan sesebuah organisasi (Nurhanim Saadah et al., 2020).


Kemahiran Kepimpinan Dan Pertanggungjawaban

Individu perlu membangunkan kualiti kepimpinan dan rasa tanggungjawab untuk menyumbang secara positif kepada tempat kerja dan komuniti mereka. Kemahiran ini melibatkan memotivasikan dan membimbing orang lain, membuat keputusan beretika dan memimpin tindakan seseorang. Kajian Harishree et al. (2023) menyatakan bahawa kemahiran ini penting dalam konteks kerjaya pada abad kini kerana ia menyumbang kepada penglibatan pekerja dari dimensi kepimpinan dan pertanggungjawaban terhadap organisasi. Pemimpin yang bertanggungjawab akan memastikan kepimpinan di bawahnya menjalankan tanggungjawab mereka sekali gus akan menyumbang kepada kejayaan prestasi kerjaya organisasi keseluruhannya.

Dalam konteks kesediaan kerjaya, pelajar boleh menguasai kemahiran ini melalui penglibatan diri dalam program yang dianjurkan ataupun mengambil bahagian dalam organisasi pelajar di peringkat kolej (Ohio Department of Education, 2007). Selain itu, pelajar juga boleh meneroka minat dan bakat kepimpinan yang ada dalam diri mereka melalui penglibatan dalam aktiviti khidmat masyarakat dalam membina perasaan bertanggungjawab terhadap orang lain. Memiliki sifat kepimpinan dan tanggungjawab dalam diri seseorang akan membantu mereka menonjolkan kelebihan diri dan sebagai persiapan untuk menghadapi persekitaran kerja kerana pemimpin yang bertanggungjawab akan memperoleh kepercayaan dan memberi inspirasi kepada rakan sekerja (Wrahatnolo & Munoto, 2018).

Penerapan Kemahiran Insaniah Abad Ke-21

Lima elemen kemahiran insaniah seperti yang dibahaskan melalui kerangka *The Partnership 21st Century Skills* adalah penting dan perlu ada untuk kejayaan seseorang individu meliputi kemahiran kerjaya dan kehidupan mereka (Ohio Department of Education, 2007). Elemen tersebut merangkumi kemahiran fleksibiliti dan kebolehsuaian, kemahiran inisiatif dan sendiri, kemahiran sosial dan silang budaya, kemahiran produktiviti dan akauntabiliti serta kemahiran kepimpinan dan pertanggungjawaban. Kemahiran ini adalah penting untuk kejayaan dalam persekitaran kerja yang kompleks dan berdaya saing masa kini, dan mereka semakin diiktiraf sebagai komponen penting dalam pendidikan dan kesediaan kerjaya (Nurhanim Saadah et al., 2020). Pelajar di Kolej Vokasional seharusnya dipersiapkan dengan kemahiran insaniah dalam memastikan modal insan yang terlahir akan mempunyai kesediaan terhadap kerjaya mereka.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Antara pendekatan yang boleh diambil dalam memastikan pelajar di Kolej Vokasional mempunyai kemahiran insaniah yang diperlukan majikan pada abad ke-21 ini adalah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong, menetapkan jangkaan yang jelas, melibatkan pelajar dalam proses penyelesaian masalah, menggalakkan pengurusan diri dan masa, menggalakkan kerjasama dan kerja berpasukan, memberi maklum balas dan penilaian tepat pada masanya, serta mengintegrasikan teknologi dan pembelajaran berasaskan pengalaman (Nurhanim Saadah et al., 2020). Melalui pendekatan ini, ia akan dapat membantu pelajar untuk membangunkan kemahiran insaniah dalam diri mereka sebagai persiapan untuk menghadapi kerjaya masa hadapan dan kejayaan mereka dalam pasaran industri.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau keperluan kemahiran insaniah abad ke-21 terhadap kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Meninjau tahap kemahiran insaniah abad ke-21 dan kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional.
- b. Meninjau hubungan antara kemahiran insaniah abad ke-21 dengan kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional.

Metodologi

Reka bentuk kajian adalah prosedur khusus yang terlibat secara langsung dalam kajian dan melibatkan tiga langkah kerja untuk membuat kajian iaitu pengumpulan data, menganalisis data dan membuat laporan kajian (Creswell, 2014). Ianya sangat penting kerana akan membantu untuk mencapai objektif kajian yang dijalankan. Kajian tinjauan rentasan yang menggunakan pendekatan kuantitatif digunakan untuk membolehkan pemungutan data

daripada satu sampel dilakukan secara serentak pada satu-satu masa. Kaedah ini juga digunakan bagi memungut data daripada populasi yang besar bagi tujuan generalisasi dapatan kajian (Creswell, 2014) melalui teknik pensampelan, selain keupayaan memberi ukuran yang tepat serta mudah disesuaikan. Selain itu, reka bentuk ini dipilih kerana dianggap paling sesuai selain mempunyai urutan tahap-tahap piawai yang teratur dan bersistematik.

Menurut Fauziah et al. (2021), populasi kajian adalah satu set lengkap yang mewakili sesebuah unit dan memenuhi ciri-ciri seragam yang telah digariskan oleh seseorang pengkaji manakala sampel kajian pula adalah sebahagian elemen yang mewakili populasi. Justeru, responden kajian ini melibatkan populasi pelajar di Kolej Vokasional dan pemilihan sampel akan menggunakan teknik persampelan rawak strata kerana jumlah pelajar di setiap Kolej Vokasional adalah berbeza (Othman, 2013).

Jangkaan Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, kertas konsep ini dibangunkan bagi meninjau keperluan kemahiran insaniah abad ke-21 terhadap kesediaan kerjaya pelajar. Justeru, dapatan kajian diharap dapat mengenal pasti sejauh manakah keperluan kemahiran insaniah pada abad ke-21 dapat membantu dalam membentuk kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar di Kolej Vokasional khususnya. Melalui tahap dan hubungan kemahiran insaniah dengan kesediaan kerjaya pelajar yang dikenal pasti, diharap dapat digunakan bagi pihak yang berkepentingan khususnya dalam pembinaan polisi yang sesuai dengan pembangunan pendidikan TVET dalam negara. Selain itu, impak kajian ini diharap dapat memberi idea kepada kaunselor dan pensyarah di Kolej Vokasional dalam merencana intervensi yang sesuai bagi memperkukuh amalan penerokaan kerjaya yang dapat memenuhi kehendak industri masa kini. Akhir sekali, pengkaji berharap kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pihak Kementerian Pendidikan khususnya dalam merangka kurikulum yang bersesuaian sebagai rujukan bagi institusi TVET dalam menyediakan modal insan yang holistik dan seimbang dari setiap aspek sebagai memenuhi keperluan tenaga kerja yang memiliki kemahiran insaniah dan kesediaan terhadap kerjaya yang diceburi.

Kesimpulan

Dapat dirumuskan bahawa elemen kemahiran insaniah perlu dititik beratkan dalam memastikan pelajar mempunyai kesediaan terhadap kerjaya yang bakal diceburi. Hal ini kerana, generasi kini akan melalui fasa kerjaya yang lebih memerlukan pengetahuan dalam bidang teknologi tinggi serta mempunyai persaingan yang sengit dalam menempatkan diri untuk di terima dalam sektor pekerjaan (Nor Syazila et al., 2021). Kesedaran untuk memilih kerjaya yang bersesuaian dengan kehendak, keterampilan diri serta tahap pencapaian akademik merupakan satu proses awal dalam menyediakan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dan kecekapan dalam bidang kerjaya yang diceburi. Memiliki persediaan dari aspek kemahiran insaniah juga dapat membantu pelajar untuk lebih bersedia dalam menempuhi fasa pekerjaan (Normah et al., 2020). Juga didapati penyelidikan di Malaysia masih kurang menjalankan kajian dalam konteks kemahiran insaniah pada abad ke-21 dan kesediaan kerjaya bagi pelajar khususnya di Kolej Vokasional. Melalui kajian ini, diharap dapat memberi sumbangan terhadap tambah nilai dalam bidang pengetahuan dan penambahbaikan terhadap panduan dalam merangka polisi yang sesuai sekali gus membantu dalam menyediakan pelajar Kolej Vokasional ke arah modal insan yang memenuhi keperluan industri pada abad ini dan dapat bersaing di peringkat global.

Penghargaan

Sekalung penghargaan buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan artikel ini khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia, PPIP Universiti Sains Malaysia dan penganjur TVETIC 2023, Sekolah Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Dirakamkan juga penghargaan khas buat Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Anderson, D. (2009). Productivism and ecologism: Changing dis/courses in TVET. In J. Fien et al. (eds.) (Ed.), *Work, Learning and Sustainable Development* (pp. 35–57). Springer Netherlands. <https://doi.org/10.1007/978-1-4020-8194-1>
- Anusuya Kaliappan, & Hashima Hamid. (2022). Industrial 4.0 generic skills needed among vocational colleges students in Malaysia. *Journal of Pharmaceutical Negative Results*, 13(9), 5924–5934. <https://doi.org/10.47750/pnr.2022.13.S09.710>
- Asnul Dahar Minghat, Siti Salina Mustakim, & Nuraini Shahroni. (2022). Literature review: Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Malaysia. *ASEAN Journal for Science Education*, 1(2), 89–102.
- Balestreri, K., Sambolt, M., Duhon, C., Smerdon, B., & Harris, J. (2014). *The college and career readiness and success organizer*.
- Bhattarai, P. C. (2020). Reforming Technical and Vocational Education and Training (TVET) sector: What next? *International Journal of Multidisciplinary Perspectives in Higher Education*, 5(1), 106–112.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design* (4th ed.). California: SAGE Publications.
- Dodd, V., Hanson, J., & Hooley, T. (2022). Increasing students' career readiness through career guidance: measuring the impact with a validated measure. *British Journal of Guidance and Counselling*, 50(2), 260–272. <https://doi.org/10.1080/03069885.2021.1937515>
- Enah Ali, Ridzwan Che' Rus, Mohd Adib Haron, & Mohd Azlan Mohammad Hussain. (2018). Kebolehpasaran graduan Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Satu analisis. *Sains Humanika*, 10(3–3), 9–15. <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-3.1510>
- Fauziah Ani, Rosman Md. Yusoff, Zahrul Akmal Damin, & Riki Rahman. (2021). *Reka bentuk penyelidikan sains sosial*. Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM.
- Gunawan, W., Creed, P. A., & Glendon, A. I. (2019). Development and initial validation of a perceived future employability scale for young adults. *Journal of Career Assessment*, 27(4), 610–627. <https://doi.org/10.1177/1069072718788645>
- Gutt, A. (2022, October 3). How self-directed learning can engage and empower your students. Retrieved from <https://harriseducationsolutions.com/how-self-directed-learning-can-engage-and-empower-your-students/>
- Haasler, S. R. (2020). The German system of vocational education and training: Challenges of gender, academisation and the integration of low-achieving youth. *Transfer*, 26(1), 57–71. <https://doi.org/10.1177/1024258919898115>
- Harishree C, Mekala S, & Geetha R. (2023). Promoting 21st century workplace preparedness of engineering students: Teachers' and students' perceptions. *Journal of Educational Studies Trends and Practices*, 13(2), 212–230. <https://doi.org/10.52634/mier/2023/v13/i2/2391>
- Horrillo, S. J., Smith, M. H., Wilkins, T. R., Diaz Carrasco, C. P., Caeton, N. W., McIntyre, D., & Schmitt-McQuitty, L. (2021). A positive youth development approach to college and career readiness. *Journal of Youth Development*, 16(1), 74–99. <https://doi.org/10.5195/JYD.2021.966>

- Kementerian Ekonomi Malaysia. (2021). *Rancangan Malaysia Kedua Belas*.
- Lauglo, J. (2009). Research for TVET policy development. *International Handbook of Education for the Changing World of Work*, 891–904. Springer Netherlands. https://doi.org/10.1007/978-1-4020-5281-1_60
- Makki, B. I., Feng, F., Waqar, M. A., & Adhikari, I. M. (2023). Work readiness, decision-making self-efficacy, and career exploration among engineering students: A two-step framework. *Mathematical Problems in Engineering*, 2023, 1–8. <https://doi.org/10.1155/2023/8166825>
- Mohd Adib Haron, Mohammad Azlan Mohammad Hussain, Rafeizah Mohd Zulkifli, Irdyanti Mat Nashir, & Nurul Nazirah Imam Ma'arof. (2019). Employability skills needed by vocational college graduates: Feedback from industries. *Journal of Technical Education and Training*, 11(4), 86–94. <https://doi.org/10.30880/jtet.2019.11.04.010>
- Mohd Fauzi Hamat, & Mohd Khairul Naim Che Nordin. (2012). Tinjauan kepentingan pembangunan modal insan di Malaysia. *Jurnal Al Tamadun*, 7(1), 75–89.
- Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad, & Wan Marzuki Wan Jaafar. (2017). Kajian analisis keperluan pembinaan modul kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar universiti awam. *Jurnal Psikologi Dan Kaunseling*, 8, 38–60.
- Nasir Kazmi. (2013). A TVET framework model to facilitate policy formulation. In *Commonwealth Education Partnership*.
- Noor Afzaliza Nazira Ibrahim, & Maizatul Haizan Mahbob. (2021). Keterampilan peribadi pelajar sebagai satu bentuk kemahiran komunikasi dan kepentingannya dalam pasaran dunia pekerjaan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(1), 209–226. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3701-12>
- Nor Syazila Abdul Rahim, Wan Marzuki Wan Jaafar, & Nurazidawati Mohamad Arsad. (2021). Career maturity and career decision-making self-efficacy as predictors of career adaptability among students in foundation program, Universiti Putra Malaysia. *Asian Journal of University Education*, 17(4), 464–477. <https://doi.org/10.24191/ajue.v17i4.16181>
- Normah Zakaria, Siti Nur Kamariah Rubani, Arihasnida Ariffin, Norhasyimah Hamzah, & Nurul Sakinah Nordin. (2020). Efikasi sendiri, kemahiran employabiliti dan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 5(2), 71–76. <https://doi.org/10.30880/ojtp.2020.05.02.009>
- Nurhanim Saadah Abdullah, Sri Sumarwati, & Mohd Ismail Abd Aziz. (2020). Life and career skills among Technical and Vocational Education and Training (TVET) students in Vocational Colleges. *Online Journal for TVET Practitioners*, 5(2), 20–26. <https://doi.org/10.30880/ojtp.2020.05.02.003>
- Ohio Department of Education. (2007). *Partnership for 21st century skills: Core content integration*. Retrieved from www.P21.org.
- Othman Talib. (2013). *Asas penyelidikan tesis, penyelidikan dan statistik*. Serdang: Penerbit UPM.
- Ramlee Mustapha. (2017). Skills training and vocational education in Malaysia. In *Education in Malaysia* (Vol. 39, pp. 137–153). Springer Nature. https://doi.org/10.1007/978-981-10-4427-4_9
- Ruzita Md Yusoff, Anas Harun, & Ahmad Munzir Zakaria. (2020). TVET in Malaysia: Capabilities and challenges as viable pathway and educational attainment. *Journal on Technical and Vocational Education*, 5(1), 128–0821. Retrieved from <http://upikpolimas.edu.my/ojs/>

- Shafarizan Abd Samad, Mohamad Khairi Othman, & Muhamad Dzahir Kasa. (2019). Pembangunan kerangka konseptual kajian aspirasi kerjaya pelajar TVET Kolej Komuniti di Malaysia. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 20, 64–73. <https://doi.org/10.17576/malim-2019-2001-06>
- Shi, Y., & Bangpan, M. (2022). Young people's participation experiences of technical and vocational education and training interventions in low- and middle-income countries: A systematic review of qualitative evidence. *Empirical Research in Vocational Education and Training*, 14(8). <https://doi.org/10.1186/s40461-022-00136-4>
- Succi, C. (2019). Are you ready to find a job? Ranking of a list of soft skills to enhance graduates' employability. *International Journal Human Resources Development and Management*, 19(3), 281–297.
- Succi, C., & Canovi, M. (2020). Soft skills to enhance graduate employability: Comparing students and employers' perceptions. *Studies in Higher Education*, 45(9), 1834–1847. <https://doi.org/10.1080/03075079.2019.1585420>
- Sulistiani, W., & Handoyo, S. (2018). Career adaptability: The influence of readiness and adaptation success in the education context. *Advances in Social Science, Education Dan Humanities Research*, 133, 195–205.
- Tun, M. M., & Juchelková, D. (2022). A preliminary approach toward development of the TVET Research and Development (R&D) sector for sustainable development in Myanmar. *Sustainability (Switzerland)*, 14(9). <https://doi.org/10.3390/su14095474>
- Vina Dwiyantri, Dwi Novi Wulansari, & Hanissa Okitasari. (2021). Competencies needed for vocational education graduates in logistic industry: A systematic review. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(2), 11–20. <https://doi.org/10.30880/ojtp.06.02.002>
- Wrahatnolo, T., & Munoto. (2018). 21st centuries skill implication on educational system. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, 296(1). Institute of Physics Publishing. <https://doi.org/10.1088/1757-899X/296/1/012036>
- Zulhazmi Zahari, & Muhd Khaizer Omar. (2021). Pendekatan kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Selangor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 52–60. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.612>